



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA LANCAR KEMPEN AMBIL PEKERJA LOKAL UNTUK MEMPERKASA USAHA MENDORONG PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN

BUTTERWORTH – Kementerian Sumber Manusia (KSM), menerusi PERKESO, hari ini telah melancarkan **Kempen Ambil Pekerja Lokal** bagi menggalakkan pengambilan tenaga kerja tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing.

Untuk menggalakkan lagi penggajian pekerja tempatan, KSM dan PERKESO juga menyokong **Projek Reben Kuning** yang memberi ruang kepada bekas banduan, terutama belia dan bekas pelajar juvana untuk memperoleh pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V. Sivakumar telah menyempurnakan pelancaran tersebut sewaktu **Majlis Perasmian Penutup Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 Negeri Pulau Pinang** di sini. Turut hadir adalah **YBrs. Encik A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia, YB Dato' Hj. Abdul Halim Hussain, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan** mewakili **YB Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan** serta pengurusan tertinggi KSM dan PERKESO.

Kempen Ambil Pekerja Lokal merupakan program susulan daripada inisiatif Malaysianization yang dilaksanakan dari tahun 2021 untuk menggalakkan majikan mengajikan pekerja tempatan bagi jawatan yang sebelumnya diisi oleh pekerja asing. Projek Reben Kuning, yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2018, bertujuan untuk memberi peluang kedua kepada bekas banduan agar mereka boleh kembali ke pangkuan masyarakat dengan kehidupan yang lebih baik setelah selesai menjalani hukuman.

Insentif Kerjaya Madani 2023 yang dilancarkan KSM baru-baru ini, melengkapi Kempen Ambil Pekerja Lokal, kerana ia memberi fokus kepada peningkatan peluang-peluang pekerjaan dan penempatan pekerjaan untuk pelbagai kumpulan sasar di bawah **Program Daya Kerjaya, Daya**

Kerjaya TVET dan Program Bina Kerjaya. Permohonan untuk ketiga-tiga insentif tersebut telahpun dibuka pada **1 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023**. Insentif Kerjaya Madani 2023 merupakan sebahagian daripada 10 inisiatif Belanjawan 2023 yang diamanahkan Kerajaan kepada KSM menerusi PERKESO.

Sementara itu, Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 Negeri Pulau Pinang yang berlangsung selama dua hari di Butterworth Arena juga mempunyai tujuan yang sama iaitu menyediakan peluang pekerjaan kepada semua golongan pencari kerja dan meningkatkan penempatan pekerjaan menerusi **Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs**. Dengan sambutan yang menggalakkan daripada majikan dalam siri jelajah yang akan meliputi seluruh Malaysia, karnival ini memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar pengangguran negara, meningkatkan sosioekonomi rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Karnival Kerjaya di Pulau Pinang ini menyaksikan penyertaan **56 majikan** yang menemuduga calon-calon bagi mengisi **lebih 7,000 kekosongan jawatan** yang menawarkan gaji bulanan sehingga **RM9,500**. Antara majikan yang menyertai karnival ini adalah Flextronic Technology (Penang) Sdn Bhd, Osram Opto Semiconductors (M) Sdn Bhd, Maybank Berhad, SAM Engineering & Equipment (M) Berhad, Micron Technology, Robert Bosch (Malaysia) Sdn Bhd, Inari Amerton Berhad, AT&S Austria Technologie & Systemtechnik (M) Sdn Bhd dan banyak lagi syarikat dari pelbagai sektor.

Selain menghimpunkan pencari kerja dan majikan di bawah satu bumbung, Karnival Kerjaya ini juga menyediakan perkhidmatan pekerjaan bagi meningkatkan kebolehpekerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja seperti bantuan penyediaan resume, profil pencari kerja, bengkel temu duga, kaunseling kerjaya, kursus asas komunikasi, sahsiah diri dan persediaan menghadapi temuduga, dan juga kursus vokasional, jika perlu.

Di samping itu, karnival ini juga membawa **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** lebih dekat kepada warga Pulau Pinang. SKSSR, yang bertujuan menjamin kesejahteraan dan kebajikan golongan suri rumah, membuka peluang kepada para suami, keluarga dan pihak ketiga seperti badan-badan NGO dan syarikat swasta untuk membayar caruman bagi pihak suri rumah. Dengan caruman sebanyak RM120 setahun, suri rumah mendapat perlindungan daripada bencana domestik, keilatan dan kematian sewaktu menguruskan rumah tangga. Sejak SKSSR

dikuat kuasakan pada **1 Disember 2022 hingga 31 Mei 2023**, seramai **177,030 suri rumah** kini dilindungi skim ini. Daripada jumlah tersebut, **10,680 orang suri rumah** berinsurans adalah dari **Pulau Pinang**.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs melengkapinya kempen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai destinasi kerjaya pilihan rakyat Malaysia, iaitu **“My Penang, My Workplace”**, manakala SKSSR menyokong usaha Kerajaan Negeri yang memfokuskan pelaksanaan **“Dasar Keterangkuman Gender dan Dasar Keluarga Selamat”** serta program-program pemerksaan wanita dalam merapatkan jurang gender. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif perlindungan keselamatan sosial dan program pasaran buruh aktif yang dilaksanakan PERKESO menyumbang kepada matlamat **VISI Penang2030** yang memberi penekanan terhadap pembangunan institusi kekeluargaan di samping aspek negeri hijau dan pintar.

Bagi rakyat Malaysia yang sedang mencari pekerjaan, daftarlah di Portal MYFutureJobs www.myfuturejobs.gov.my. Untuk maklumat berhubung Insentif Kerjaya Madani 2023, sila layari kerjayamadani.perkeso.gov.my dan bagi sebarang maklumat lanjut, kunjungi laman sesawang rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline PERKESO di 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

DIKELUARKAN OLEH:

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

4 JUN 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

Hamisah Hamid

+6017-619 3181

+6019-383 3605

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

hamisah.hamid@perkeso.gov.my